

02 OCT 1999

Najib-Universiti

PINDAAN KE ATAS AKTA ITM DISEMAK, KATA NAJIB

PEKAN, 2 Okt (Bernama) -- Kementerian Pendidikan sedang menyemak beberapa fakta dalam Akta Institut Teknologi Mara (ITM) 1996 yang akan dipinda, kata Menterinya Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Katanya, semakan itu kemudiannya akan dibawa kepada mesyuarat mingguan Kabinet dan seterusnya dibentangkan di Parlimen, kemungkinannya pada persidangannya yang akan datang.

Semasa ditemui pemberita selepas melancarkan jentera pilihanraya Umno Pekan di sini, beliau yang juga anggota Parlimen Pekan berkata, pada masa yang sama, ITM yang kini dikenali sebagai Universiti Teknologi Mara sedang berunding dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan mengenai skim perjawatan untuk universiti berkenaan.

Pada 26 Ogos lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan penaikan taraf ITM ke peringkat universiti dan dikenali sebagai Universiti Teknologi Mara.

Najib berkata Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya bulan lepas juga meluluskan cadangan Kementerian Pendidikan untuk mewujudkan sebuah cawangan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Pekan, Pahang.

Katanya, usaha sedang dijalankan bagi mengenal pasti tapak yang sesuai dan kerajaan negeri Pahang telah bersetuju untuk memperuntukkan tanah yang diperlukan bagi pembinaan kampus cawangan UTM itu.

Beliau berkata kampus cawangan itu akan menawarkan banyak bidang pengajian dalam kejuruteraan dan teknologi maklumat (IT) terutamanya kejuruteraan automotif.

Ini bersesuaian dengan perkembangan perindustrian automotif di kawasan perindustrian Peramu di sini, yang akan membolehkan para pelajar menjalankan latihan praktikal di kilang-kilang milik Kumpulan DRB-Hicom yang ditempatkan di situ, katanya.

Mengenai kenyataan Presiden Parti Keadilan Nasional, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail yang meminta penyokongnya menerima hakikat bahawa kerajaan akan mengeluarkan kenyataan bahawa suaminya tidak diracun, Najib berkata menjadi kebiasaan pihak pembangkang untuk "pre-empt" mengenai sesuatu perkara itu.

Beliau meminta rakyat supaya bersabar dan menunggu hasil laporan daripada pakar-pakar yang menjalankan pemeriksaan dan analisis ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Kita harus berpegang bahawa kebenaran pasti akan timbul. Saya percaya rakyat boleh membuat kesimpulan mana pihak yang benar dalam perkara ini," katanya.

-- BERNAMA

ROS RI